

09/02/1999

Pas guna isu tol tutup kelemahan

KOTA BHARU, Isnin - Tindakan Pas membangkitkan isu tol hanya untuk menutup kelemahan kerajaan Kelantan dalam mentadbir negeri itu dan menarik perhatian rakyat menjelang pilihan raya umum akan datang.

Setiausaha Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Ariffin Hamid, berkata dengan cara itu, semua projek yang gagal dilaksanakan Kerajaan Pas Kelantan terutama penswastaan bekalan air, pembangunan dan masalah pengangguran dapat ditutup, sekali gus mengalih perhatian rakyat kepada isu lain.

Hakikatnya, kata beliau, sejak Pas memerintah negeri ini selepas pilihan raya umum 1990, parti itu gagal menunaikan janjinya termasuk berhubung projek penswastaan bekalan air, pembangunan dan masalah pengangguran.

Menurutnya, bagi menutup kelemahan ketara parti itu menjelang pilihan raya akan datang, Pas bertindak membangkitkan isu tol bagi mengabui fikiran rakyat.

"Sebenarnya, melalui penswastaan bekalan air, Pas gagal menyediakan perkhidmatan yang memuaskan apabila rakyat masih dibebani masalah air kurang bermutu dan tidak setanding tarif yang dikenakan.

"Selain itu, pensawataan itu juga tidak memberikan pulangan seperti dijanjikan kepada rakyat," katanya kepada Berita Harian hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Naib Ketua Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar bahawa Pas terbukti mampu mentadbir berdasarkan apa yang dilakukan oleh parti itu dalam mentadbir negeri Kelantan.

Mahfuz dilaporkan berkata demikian di Forum Perkembangan Politik Malaysia Pada Masa Kini: Satu Analisis dan Tinjauan Masa Hadapan di Dewan Perhimpunan Cina, di Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Ariffin berkata, kegagalan Pas di Kelantan membuktikan pendekatan yang diambil oleh pemimpin parti itu tidak dapat menyelesaikan sesuatu krisis yang mementingkan rakyat, berbanding BN.

Menurutnya, sejak mengambilalih pemerintahan negeri ini, Kelantan juga jauh terpinggir dari arus perdana negara.

"Pembangunan untuk rakyat masih lagi di takuk lama apabila negeri ini terus terpinggir manakala kadar pengangguran terus meningkat dengan mencatat 7.5 peratus, mengatasi perangkaan peringkat nasional sebanyak 3.5 peratus.

"Ini menyebabkan ramai rakyat negeri ini terpaksa berhijrah ke negeri lain untuk mencari rezeki.

"Adakah ini bukti Pas mampu mentadbir negara seperti apa yang dilakukannya oleh Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sejak memerintah Kelantan?" katanya.

Beliau percaya Kelantan akan menghadapi masa depan yang gelap di bawah pemerintahan Pas jika parti itu terus memerintah negeri itu selepas pilihan raya umum akan datang.

"Dakwaannya kononnya mampu mentadbir dengan baik umpama orang bermimpi pada siang hari, sekadar menyedapkan hati rakyat sedangkan banyak tanggungjawab yang dirancang di Kelantan tidak dapat diselesaikan," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Ibrahim Ali, berkata Pas sepatutnya malu dengan diri sendiri jika meminta kerajaan BN mencontohi Pas di Kelantan untuk mentadbir negara.

Menurutnya, parti itu sebenarnya hanya tahu menegur atau mencari kesalahan orang lain sedangkan tanggungjawab kepada rakyat di Kelantan

tidak dapat diselesaikan.

"Jika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencontohi pendekatan Nik Abdul Aziz, saya yakin pembangunan yang kita perolehi pada masa ini tidak akan dicapai," katanya.

(END)